

UPM sedia hentikan operasi kampus jika H1N1 menular

Oleh Norliza Abdullah

lizz@bharian.com.my

UNIVERSITI Putra Malaysia (UPM) tidak menolak kemungkinan menghentikan semua operasi kampus dan mengarahkan pelajar pulang jika wabak selesema babi atau influenza A (H1N1) sekali lagi menular di universiti itu.

Naib Canselornya, Prof Datuk Dr Nik Mustapha R Abdullah, berkata buat masa ini pihaknya mengarahkan pelajar bercuti tidak balik ke kampus dijadualkan semalam jika tidak

sihat, antaranya demam, selesema, batuk atau sakit tekak.

Sambil menjelaskan semua aktiviti di universiti itu turut dibatalkan kecuali program dianjurkan lebih awal dan di luar kampus, beliau berkata, arahan itu bagi mengelak berlaku jangkitan wabak berkenaan.

"Tindakan ini diambil bagi mengawal virus berkenaan terus merebak dan menjejaskan keselamatan 27,000 pelajar. Saya sudah memaklumkan perkara ini dan semua peperiksaan ditangguhkan ke suatu tarikh lain.

"Pelajar juga perlu memaklumkan kepada pensyarah atau ketua jabatan masing-masing jika mereka terpaksa menanggungkan kelas disebabkan faktor kesihatan" katanya selepas merasmikan Persidangan Anatomi Kayu Wilayah Pasifik ke-7, di Kuala Lumpur, kelmarin.

Pada 28 Julai lalu, universiti itu mengumumkan cuti pertengahan semester lebih awal dua minggu bagi menangani wabak H1N1 selepas empat daripada 10 pelajarnya demam disahkan positif H1N1.